



24 November 2017
24 November 2017
P.U. (A) 358

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2017

*MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT
(NO. 2) (AMENDMENT) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) 2017**.

(2) Subsubperenggan 2(a)(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016.

(3) Subsubperenggan 2(a)(ii) dan 2(a)(iii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

(4) Subperenggan 2(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 April 2017.

(5) Subperenggan 2(c) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 24 Februari 2017.

(6) Subsubperenggan 2(d)(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 17 Ogos 2016.

(7) Subsubperenggan 2(d)(ii) dan 2(d)(iii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 20 April 2016.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] dipinda—

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri—

- (i) dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang "*Perkara*" yang terdapat bersetentangan dengan perkataan "Majlis Keselamatan Negara (MKN)" dalam ruang "*Jabatan*" dengan perkataan yang berikut:

"Urus setia bagi Majlis Keselamatan Negara

Melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Majlis Keselamatan Negara 2016

Menyelaraskan pelaksanaan Dasar Keselamatan Negara 2017

Merumuskan dan menyelaraskan dasar keselamatan negara dan langkah keselamatan termasuk perisikan negara

Urus setia bagi semua jawatankuasa dan kumpulan kerja yang ditubuhkan di bawah MKN di peringkat Persekutuan, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) di peringkat Negeri dan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah (JKKD) di peringkat Daerah yang menyentuh perkara keselamatan negara, ketenteraman awam dan pengurusan krisis yang diletakkan di bawah bidang kuasa MKN

Menyelaraskan hal ehwal keselamatan dan kedaulatan maritim dalam kawasan zon maritim Malaysia

Menguruskan dan menyelaraskan dasar, strategi, operasi dan tindakan bagi pemeliharaan keselamatan dan kedaulatan maritim negara

Menyelaraskan pelaksanaan tugas, hak, tanggungjawab dan liabiliti Malaysia sebagai negara pihak kepada Konvensyen

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut 1982

Menyelaraskan mekanisme ke arah meningkatkan pengawasan dan pemeliharaan keselamatan perairan negara di Selat Melaka, Selat Singapura, Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi serta keselamatan aset berkepentingan negara di perairan antarabangsa

Menguruskan dan mengawal selia hal ehwal kepulauan

Menggubal, meneraju dan memantau pelaksanaan dasar dan strategi berhubung dengan keselamatan siber yang mengancam keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat

Menggubal dasar dan menyelaraskan mekanisme pengurusan krisis keganasan dan ketenteraman awam di peringkat daerah, negeri dan negara

Menggubal dasar dan menyelaraskan mekanisme pengurusan berhubung dengan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian (UNHCR)

Menyelaraskan dan memantau pengurusan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE)

Memantau dan merangka strategi bagi menangani isu yang menjejaskan ketenteraman awam, keselamatan negara dan integriti Kerajaan

Menguruskan dasar dan operasi mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Menguruskan dan menyelaraskan dasar, strategi, operasi dan tindakan bagi pemeliharaan keselamatan dan kedaulatan sempadan darat negara

Menguruskan dan menyelaraskan kerjasama dua hala dalam hal ehwal keselamatan dan kedaulatan bersama negara jiran bersempadan

Menyelaraskan kem dan pos Jawatankuasa Perancang Gerakan (JPG), Majlis Keselamatan Negara

Menguruskan dan mengawal selia Pasukan Operasi Khas Nasional (NSOF) dan operasi NSOF

Menyelaraskan penyaluran maklumat dan data berhubung dengan keselamatan negara dan perisikan negara oleh agensi dan kementerian ke Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPON)

Menyelaraskan gerak kerja agensi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah pencerobohan tanah yang mengakibatkan bencana di Cameron Highlands”;

(ii) dengan memotong perkataan “Jabatan Pertahanan Awam” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang “*Perkara*”; dan

(iii) dengan memasukkan dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” selepas perkataan “Institut Wasatiyyah Malaysia” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

“Angkatan Pertahanan Awam Malaysia	Melaksanakan fungsi di bawah Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia 1951”;
---------------------------------------	--

- (b) berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, dengan menggantikan perkataan “Menteri Pertahanan” dalam ruang “*Gelaran dan Nama Jawatan*” dengan perkataan “Menteri Pertahanan merangkap Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri”;
- (c) berkenaan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan menggantikan perkataan “Jabatan Perancangan Bandar dan Desa” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan “PLANMalaysia”; dan
- (d) berkenaan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi—
- (i) dengan menggantikan semua perkataan dalam ruang “*Perkara*” yang terdapat bersebelahan dengan perkataan “Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)” dalam ruang “*Jabatan*” dengan perkataan yang berikut:
- “Menerajui, menyelaraskan dan melaksanakan agenda meteorologi dan geofizik negara
- Bertindak sebagai agensi kawal seliaan kebangsaan berkaitan meteorologi penerbangan
- Mengendalikan dan menyediakan perkhidmatan saintifik meteorologi dalam bidang-bidang yang berikut:
- Pencerapan meteorologi
- Tinjauan cuaca
- Kaji iklim dan hidrometeorologi
- Meteorologi lautan dan oseanografi
- Meteorologi pertanian
- Kajian sains atmosfera

Pembenihan awan
Gempa bumi dan tsunami
Meteorologi penerbangan”;

- (ii) dengan memotong perkataan “Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BIOTEHCORP)” dalam ruang “*Jabatan*” dan semua perkataan yang terdapat bersetentangan dengannya dalam ruang “*Perkara*”; dan
- (iii) dengan memasukkan dalam ruang “*Jabatan*” dan “*Perkara*” selepas perkataan “Malaysia Ventures Capital Management Sdn. Bhd. (MAVCAP)” dalam ruang “*Jabatan*” perkataan yang berikut:

“Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (Bioeconomy Corporation)

Bertindak sebagai pusat sehatian yang memberikan sokongan dan bantuan khidmat nasihat teknikal untuk memudahkan syarikat berasaskan bioteknologi memulakan dan mengembangkan perniagaan, mempromosikan dan menggalakkan pelaburan serta menguruskan skim pembiayaan bagi syarikat untuk memperluaskan perniagaan”.

Dibuat 13 Oktober 2017
[BKPP.R.700-2/1/1; PN(PU2)18/XXIX]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Setiausaha Jemaah Menteri

MINISTERIAL FUNCTIONS ACT 1969

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2) (AMENDMENT) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Ministerial Functions Act 1969 [Act 2], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Ministers of the Federal Government (No. 2) (Amendment) Order 2017**.

(2) Subsubparagraph 2(a)(i) is deemed to have come into operation on 1 August 2016.

(3) Subsubparagraphs 2(a)(ii) and 2(a)(iii) are deemed to have come into operation on 1 September 2016.

(4) Subparagraph 2(b) is deemed to have come into operation on 12 April 2017.

(5) Subparagraph 2(c) is deemed to have come into operation on 24 February 2017.

(6) Subsubparagraph 2(d)(i) is deemed to have come into operation on 17 August 2016.

(7) Subsubparagraphs 2(d)(ii) and 2(d)(iii) are deemed to have come into operation on 20 April 2016.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Ministers of the Federal Government (No. 2) Order 2013 [P.U. (A) 184/2013] is amended—

(a) in respect of the Prime Minister's Department—

- (i) by substituting for all the words in the "*Subjects*" column appearing against the words "National Security Council (NSC)" in the "*Departments*" column the following words:

"Secretariat for the National Security Council

Implementing and enforcing the National Security Council Act 2016

Co-ordinating the implementation of the National Security Policy 2017

Formulating and co-ordinating national security policies and security measures including national intelligence

Secretariat for all committees and working groups established under the NSC at the Federal level, the State Executive Committees on Security (JKKN) at the State level and the District Executive Committees on Security (JKKD) at the District level which touches on matters of national security, public order and crisis management placed under the jurisdiction of the NSC

Co-ordinating maritime security and sovereignty affairs in the Malaysian maritime zone areas

Managing and co-ordinating policies, strategies, operations and actions for preservation of security and sovereignty of national maritime

Co-ordinating the implementation of duties, rights, responsibilities and liabilities of Malaysia as a state party to the United Nations Convention on the Law of the Sea 1982

Co-ordinating mechanisms towards enhancing the surveillance and the preservation of security of national waters in the Strait of Malacca, the Singapore Strait, the South China Sea, the Sulu Sea and the Sulawesi Sea and the security of the national interest assets in the international waters

Managing and regulating outer island affairs

Formulating, leading and monitoring the implementation of policies and strategies in relation to cyber security that threatens the national security and the people's wellbeing

Formulating policies and co-ordinating mechanisms for management of terrorism crisis and public order at the district, state and national level

Formulating policies and co-ordinating mechanisms for management in relation to United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) card holders

Co-ordinating and monitoring the security management in the Eastern Sabah Safety Zone (ESSZONE)

Monitoring and formulating strategies to deal with issues affecting public order, national security and the integrity of the Government

Managing policies and operations pertaining to illegal immigrants in Sabah and the Federal Territory of Labuan

Managing and co-ordinating policies, strategies, operations and actions for preservation of security and sovereignty of national land border

Managing and co-ordinating bilateral cooperation in security and sovereignty affairs with the bordering neighbouring countries

Co-ordinating camps and posts of Operation Planning Committee (OPC), National Security Council

Managing and regulating the National Special Operations Force (NSOF) and the NSOF operations

Co-ordinating the transmission of information and data in relation to national security and national intelligence by agencies and ministries to the National Operation Management Centre (PPON)

Co-ordinating the mobility of the Federal Government and the State Government agencies in dealing with land encroachment problem which resulted in disaster in Cameron Highlands”;

(ii) by deleting the words “Public Defence Department” in the “*Departments*” column and all the words appearing against it in the “*Subjects*” column; and

(iii) by inserting in the “*Departments*” and “*Subjects*” columns after the words “Institut Wasatiyyah Malaysia” in the “*Departments*” column the following words:

“Malaysia Civil Defence Force	Performing the functions under the Malaysia Civil Defence Force Act 1951”;
-------------------------------	--

(b) in respect of the Ministry of Defence, by substituting for the words “Minister of Defence” in the “*Styles and Titles*” column the words “Minister of Defence cum Minister of Special Functions in the Prime Minister’s Department”;

(c) in respect of the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government, by substituting for the words “Department of Town and Country Planning” in the “*Departments*” column the words “PLANMalaysia”; and

(d) in respect of the Ministry of Science, Technology and Innovation—

(i) by substituting for all the words in the “*Subjects*” column appearing against the words “Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia)” in the “*Departments*” column the following words:

“Leading, co-ordinating and implementing the national meteorology and geophysics agenda

Acts as a national regulatory agency in connection with aviation meteorological

Operates and provides the meteorological scientific services in the following fields:

Meteorological observations

Weather outlook

Climatology and hydrometeorology

Marine meteorology and oceanography

Agricultural meteorology

Atmospheric science study

Cloud seeding

Earthquake and tsunami
Aviation meteorological”;

- (ii) by deleting the words “Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BIOTECHCORP)” in the “*Departments*” column and all the words appearing against it in the “*Subjects*” column; and
- (iii) by inserting in the “*Departments*” and “*Subjects*” columns after the words “Malaysia Ventures Capital Management (MAVCAP) Sdn. Bhd.” in the “*Departments*” column the following words:

“Malaysian Biotechnology
Corporation Sdn. Bhd.
(Bioeconomy Corporation)

Acts as a one stop centre providing support and technical advisory assistance to facilitate biotechnology-based companies to start and expand businesses, to promote and encourage investment and managing the financing schemes for companies to expand business”.

Made 13 October 2017
[BKPP.R.700-2/1/1; PN(PU2)18/XXIX]

By Command

TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA
Secretary to the Cabinet